PENANG
PERCUMA
16 - 28 FEBRUARI, 2026
PENANG 2030
BULETIN MUTIARA
www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

# Galeri Arkeologi Guar Kepah

## pusat penyelidikan perkongsian ilmu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SIEW CHIA EN, SITI NURATIKAH RAHMAT & YAP LEE YING**

**PENAGA** - Galeri Arkeologi Guar Kepah mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memelihara warisan negara selari dengan usaha memacu pembangunan mampan dan berteraskan rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika hadir pada majlis perasmian galeri berkenaan yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim pada 24 Januari lalu

Menurut beliau, galeri tersebut bukan sekadar sebuah struktur fizikal, sebaliknya manifestasi komitmen jitu Kerajaan Negeri dalam memelihara, memulihara dan memartabatkan khazanah warisan negara agar kekal relevan serta dihargai oleh generasi akan datang.

"Usaha ini adalah selari dengan aspirasi pembangunan mampan Visi Penang2030, seiring dengan gagasan Malaysia Madani yang mana menekankan keseimbangan antara kemajuan fizikal, kesejahteraan rakyat serta kelestarian warisan," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, galeri tersebut membuktikan bahawa warisan, pendidikan, penyelidikan dan pelancongan mampu digabungkan dalam satu ekosistem pembangunan yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Sambil menyoroti kejayaan membawa pulang 41 tinggalan rangka manusia Guar Kepah dari Belanda selepas lebih 150 tahun, Kon Yeow menyifatkan ia sebagai satu pencapaian terbesar hasil kerjasama erat antara semua pihak termasuk Universiti Sains Malaysia (USM) serta rakan antarabangsa.



KETUA Menteri (berbatik biru) menyerahkan replika artifak warisan arkeologi Bukit Cengkerang kepada Perdana Menteri (tiga dari kiri) sebagai simbolik pada Majlis Perasmian Galeri Arkeologi Guar Kepah di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis tersebut, Anwar menegaskan bahawa agenda pembangunan negara perlu berpaksikan bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi turut merangkumi tamadun, budaya dan pembangunan insan.

Beliau memberitahu bahawa pembangunan yang mengabaikan sejarah, budaya dan nilai kemanusiaan akan melahirkan kemajuan yang kosong.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa arkeologi tidak wajar dilihat secara terasing, sebaliknya perlu bersifat menyeluruh yang merangkumi ilmu merentasi pelbagai disiplin seperti sejarah, sains, teknologi, pelancongan dan ekonomi.

"Tamadun itu bersifat komprehensif, mesti bergerak seiring jika kita mahu membina sebuah negara yang benar-benar maju dan berbudaya.

"Selain itu, inisiatif infrastruktur dan pelancongan ini akan gagal sekiranya tidak memberi manfaat kepada peniaga tempatan, usahawan kecil dan penduduk setempat.

"Pertumbuhan ekonomi hanya bermakna apabila ia meningkatkan kehidupan rakyat, bukan untuk memperkayakan segelintir pihak atau sekadar mempamerkan bangunan megah," ujarnya sambil menambah bahawa Kerajaan Madani kekal komited terhadap pertumbuhan inklusif serta manfaat ekonomi yang dapat dirasai oleh masyarakat di kawasan tersebut.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri Ekonomi, Datuk Seri Akmal Nasrullah Mohd Nasir; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Dato' Mohamad Haris Kader Sultan; Duta Besar Belanda ke Malaysia, Jacques Werner serta wakil-wakil daripada jabatan serta agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan antara yang turut sama hadir pada majlis berkenaan.

Terdahulu, pada 13 Januari 2026, seiring dengan pelancaran Galeri Arkeologi Guar Kepah, usaha pemeliharaan warisan tapak prasejarah tersebut turut diperkukuh menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi penempatan dan pemuliharaan Koleksi Rangka Guar Kepah.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Ekosistem pembangunan manfaat rakyat




**GALERI Arkeologi Guar Kepah kini dibuka secara rasminya kepada umum.**

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long memberitahu bahawa MoU tersebut membuktikan komitmen bersepadu antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Jabatan Warisan Negara (JWN) serta institusi akademik tempatan dan antarabangsa dalam memelihara khazanah arkeologi negara.

"Kerjasama ini bukan sekadar melibatkan pemulangan artifak, tetapi merangkumi tanggungjawab jangka panjang bagi memastikan koleksi rangka ini ditempatkan, dipelihara dan dikaji mengikut piawaian profesional," ulasnya pada Majlis Penyerahan Koleksi Rangka Guar Kepah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Komtar.

Beliau berkata bahawa pemulangan 41 bahagian rangka manusia prasejarah yang dikenali sebagai Koleksi Rangka Guar Kepah membawa nilai signifikan kepada Pulau Pinang dan negara kerana mengembalikan khazanah warisan ke konteks asalnya, sekali gus membuka ruang kepada pemahaman lebih mendalam mengenai kehidupan masyarakat prasejarah di rantau ini.

Zulkifli memaklumkan bahawa Galeri Arkeologi Guar Kepah yang telah dilengkapi kemudahan konservasi dan penyimpanan akan berperanan sebagai pusat rujukan penyelidikan, pendidikan serta perkongsian ilmu kepada masyarakat.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Shaharuddin Abu Sohot yang turut serta dalam majlis menandatangani MoU berkaitan menyifatkan pemulangan rangka manusia prasejarah Guar Kepah sebagai satu pencapaian besar negara.



**ZULKIFLI Long (kanan) dan Ketua Pengarah JWN, Mohamad Muda Bahadin (kiri) bertukar dokumen memorandum persefahaman sambil disaksikan oleh Shaharuddin Abu Sohot (tengah) pada majlis berkaitan di sini.**

"Koleksi yang sebelum ini disimpan di Belanda tiba di Malaysia pada 30 Ogos 2025, sehari sebelum sambutan Hari Kebangsaan, sekali gus menjadikan kepulangannya sebagai simbol kedaulatan dan maruah warisan negara.

"Tapak Arkeologi Guar Kepah juga merupakan tapak arkeologi pertama negara yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan wajar dipelihara mengikut piawaian antarabangsa.

"Galeri tersebut berpotensi menjadi produk arkeo-pelancongan utama negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026," katanya.

Sebagai rekod, Galeri Arkeologi Guar Kepah yang terletak di Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) meliputi keluasan lebih 9,600 meter persegi dan merupakan antara tapak prasejarah terpenting negara, dengan penemuan bukit cengkerang setinggi kira-kira 25 kaki serta rangka manusia prasejarah *'Penang Woman'* berusia 5,700 tahun yang kini menjadi koleksi utama di galeri tersebut.

Dibangunkan dengan peruntukan RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) menerusi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), galeri di bawah pengurusan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang ini menggabungkan reka bentuk hijau, pameran interaktif dan teknologi digital, sekali gus meletakkannya sebagai hab pendidikan, penyelidikan dan pelancongan arkeologi.

Sebagai pengiktirafan terhadap nilai sejarah dan saintifiknya, Tapak Arkeologi Guar Kepah telah diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan pada 21 April 2025 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), sekali gus mengukuhkannya sebagai aset warisan bernilai tinggi serta destinasi pelancongan warisan bertaraf nasional.



**ARTIFAK berbentuk rahang manusia yang ditemui di tapak arkeologi Guar Kepah turut dipamerkan di galeri tersebut.**



**BEKAS pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr. Mokhtar Saidin (kiri) merupakan tokoh utama yang mengetuai penyelidikan dan ekskavasi di tapak arkeologi Guar Kepah.**

# Bas EV transformasi pengangkutan hijau




**BAS EV yang mula beroperasi kini akan menggantikan bas sedia ada secara berperingkat sehingga tahun 2031.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**GEORGE TOWN -** Rapid Bus Sdn. Bhd. (Rapid Bus), iaitu anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), merancang perolehan sebanyak 1,600 bas elektrik (EV) secara berperingkat dari tahun 2026 sehingga 2031, bagi menggantikan sebahagian besar bas sedia ada termasuk di Pulau Pinang.

Setakat ini, Rapid Penang dijadualkan menerima baki 60 daripada 70 buah bas diesel baharu bersaiz 8.9 meter (m) secara berperingkat menjelang akhir Februari 2026.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penghantaran bas baharu berkenaan melengkapkan sebahagian daripada 175 bas diesel kumpulan akhir daripada keseluruhan 310 buah bas diesel yang diperoleh Rapid Bus sejak Julai tahun lalu bagi pengoperasian di Pulau Pinang serta di Lembah Klang.

"Rapid Penang mula beroperasi di Pulau Pinang sekitar tahun 2007 dan 2008, dan kebanyakan bas sedia ada telah beroperasi antara 10 hingga 15 tahun.

"Sudah tiba masanya proses penggantian bas dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan bas diesel dan seterusnya bas EV, selaras dengan hala tuju Prasarana untuk menawarkan perkhidmatan pengangkutan hijau di seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.



**KETUA Menteri dan Anthony Loke Siew Fook (berkemeja biru) bersama-sama barisan tetamu kehormat lain turut berkesempatan menaiki bas EV pada sidang media berkaitan di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata demikian dalam sidang media bersama-sama Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook di Jalan Padang Kota Lama dekat sini pada 12 Januari 2026.

Sementara itu, Siew Fook menyatakan bahawa berdasarkan pelan peralihan strategik jangka sederhana dan panjang, Rapid Bus merancang perolehan 1,600 bas elektrik secara berperingkat dari 2026 hingga 2031.

"Bagi fasa pertama, sebanyak 250 bas elektrik dijangka diterima secara berperingkat dari Mac 2025 hingga Mac 2027, melibatkan 175 bas untuk Rapid KL dan 75 bas untuk Rapid Penang," katanya sambil memaklumkan bahawa bas EV dijangka mula beroperasi di Pulau Pinang pada Mei 2026.

Tambah beliau, pelaksanaan inisiatif penggantian bas tersebut adalah selari dengan peningkatan prestasi perkhidmatan Rapid Penang yang merekodkan 17.4 juta penumpang pada tahun 2025, meningkat tujuh peratus berbanding tahun 2024.

"Pencapaian ini juga menunjukkan tahap pemulihan sebanyak 65 peratus berbanding jumlah penumpang era pra-pandemik.

"Prestasi memberangsangkan ini mencerminkan keyakinan orang ramai yang semakin meningkat terhadap kebolehpercayaan, kestabilan dan kualiti perkhidmatan bas Rapid Penang di Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Parlimen Seremban, Negeri Sembilan.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Exco Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Jana Santhiran Muniayan; Pengerusi Kumpulan Prasarana, Tan Sri Mohd. Nasir Ahmad; Pengerusi Rapid Bus, Datuk Seri Mustafar Ali dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Amir Hamdan antara yang turut serta.

## Agenda penyediaan rumah mampu milik berkualiti

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri terus komited memastikan agenda penyediaan perumahan yang berkualiti, selesa dan mampu milik untuk rakyat direalisasikan, selari dengan aspirasi Visi Penang2030.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran untuk menyediakan sebanyak 230,000 unit pelbagai jenis perumahan di seluruh Pulau Pinang menjelang tahun 2030, dengan sebahagian besarnya terdiri daripada rumah mampu milik.

"Kita akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai yang mana daripada jumlah yang disasarkan, sebanyak 170,706 unit, bersamaan 77.35 peratus telah berjaya direalisasikan.

"Selain itu, bagi skim sewa beli atau *Rent-To-Own* (RTO), sebanyak 5,096 unit telah direalisasikan daripada sasaran keseluruhan 22,000 unit," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Mutiaraku (RMKU) Jenis C Projek Ideal Venice Residency, di sini, pada 17 Januari lalu.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Connie Tan Hooi Peng; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Khairulnizam Hashim dan Pengerusi Eksekutif Ideal Property Group, Tan Sri Alex Ooi.

Seramai 20 pembeli telah menerima kunci kediaman masing-masing secara simbolik dalam majlis tersebut.

Menurut Kon Yeow, kejayaan pelaksanaan *Ideal Venice Residency* mencerminkan komitmen bersama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, agensi pelaksana serta pihak pemaju dalam merealisasikan agenda perumahan negara.

"Kerjasama erat antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Perumahan Negara, PR1MA, LPNPP dan pemaju tempatan amat penting bagi memastikan aspirasi perumahan mampu milik dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan," jelas beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada para pembeli yang menerima kunci rumah masing-masing dan berharap projek berkenaan dapat menjadi kediaman yang selesa serta selamat untuk didiami.

"Tahniah kepada semua pembeli yang berjaya merealisasikan impian memiliki sebuah rumah. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela," katanya lagi.

Sementara itu, Kor Ming menyatakan bahawa selepas menerima jawatan Menteri di KPKT, terdapat 34 projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang diklasifikasikan sebagai 'projek sakit'.

"Terdapat 34 projek yang berstatus 'projek sakit'. Namun, menjelang Hari Raya tahun ini, kesemua 34 projek PR1MA tersebut telah siap sepenuhnya.

"Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah diperoleh, kunci telah diserahkan dan tiada lagi projek sakit. Kita boleh memulakan tahun 2026 dengan cemerlang," katanya yang juga Ahli Parlimen Teluk Intan, Perak.

2026
PERANCANGAN EXCO

# Terus perkasa belia dan sukan



DANIEL Gooi Zi Sen.

**TAHUN 2026** dijangka menjadi tahun yang mencabar khususnya bagi portfolio Belia, Sukan dan Kesihatan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri kekal komited dalam memperkukuh kapasiti belia serta kesiapsiagaan negeri bagi menghadapi temasya sukan berprestij negara dan peningkatan keperluan kesihatan awam.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkata bahawa penurunan had umur belia daripada 35 tahun kepada 30 tahun bermula tahun ini memberi cabaran besar kepada landskap pertubuhan belia di negeri ini.

"Walaupun berlaku penurunan had umur belia, Kerajaan Negeri tetap komited menyokong pertubuhan belia supaya mereka terus aktif dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

"Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Program Dana Pembangunan Belia yang melibatkan penyaluran dana secara langsung kepada pertubuhan belia, sayap belia serta persatuan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan Akta Parlimen," ujarnya ketika menerima kunjungan wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Lalang di sini 12 Januari lalu.

Zi Sen turut memaklumkan bahawa jumlah sukarelawan belia Pulau Pinang di bawah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) kini telah mencecah 8,000 orang.

Di samping itu menurut beliau, Kerajaan Negeri berharap agar peningkatan penyertaan menerusi semangat kesukarelawanan juga dapat ditambah tahun ini.

> **"Tahun ini akan ada banyak perancangan bersama persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan Sekretariat Pengelola Kebangsaan."**
>
> **- DANIEL Gooi Zi Sen.**

"Sungguhpun penurunan had umur belia menjadi cabaran, tetapi sukarelawan yang masih aktif dalam pertubuhan belia boleh terus menyumbang sebagai sukarelawan belia Pulau Pinang," ujarnya.

### SUKMA Selangor, persediaan Sukan SEA

Bagi portfolio Sukan, Zi Sen memaklumkan bahawa tahun 2026 merupakan fasa kritikal menjelang penganjuran sukan dwitahunan, Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor, dengan sasaran 60 pingat emas ditetapkan buat kontinjen Pulau Pinang.

"Seluruh jentera sukan negeri digerakkan bagi memastikan atlet kita benar-benar bersedia untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Justeru, semua pertubuhan dan barisan atlet perlu menggandakan usaha semaksimum mungkin bagi memastikan sasaran 60 emas ini realistik dan mampu dicapai kontinjen kita kelak," maklum Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang itu.

Beliau menyatakan bahawa Pulau Pinang turut dipilih sebagai lokasi beberapa kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai persediaan ke arah penganjuran Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) 2027.

"Ini termasuk kejohanan sepak takraw jemputan Piala TYT baru-baru ini, dan Kejohanan Tinju Piala Malaysia Oktober nanti.

"Tahun ini akan ada banyak perancangan bersama persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan Sekretariat Pengelola Kebangsaan.

"Untuk itu, kita telah dipilih sebagai tuan rumah beberapa kejohanan untuk menilai kesiapsiagaan dan kesesuaian yang disebut *test run* dan *crowd run*," ulasnya lanjut.

### Kesihatan awam dan penguatkuasaan kawalan merokok

Dalam aspek kesihatan, Zi Sen merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas pengumuman projek Hospital Kepala Batas dan Klinik Kesihatan Kubang Semang, sambil menegaskan keutamaan diberikan kepada pelaksanaan projek tersebut mengikut garis masa ditetapkan.

"Kehadiran orang ramai di fasiliti kesihatan awam memang meningkat, jadi keutamaan kita adalah untuk pastikan kemudahan sedia ada mampu menanggung terutamanya di kawasan yang pesat membangun.

"Pada masa sama, saya juga mahu maklumkan bahawa berlaku penurunan ketara kes denggi di Pulau Pinang tahun lalu dan berharap trend positif itu dapat diteruskan," kongsinya.

Dalam sesi sama, Zi Sen turut menyentuh mengenai Akta 852 Kawalan Merokok, termasuk larangan penjualan rokok elektronik yang sedang diperhalusi pada peringkat Persekutuan.

Difahamkan, trend merokok dan rokok elektronik menunjukkan kelaziman (prevalens) menurun dalam kalangan penduduk Pulau Pinang.

### Pembangunan DUN Padang Lalang dan agenda kesejahteraan keluarga

Di peringkat DUN, Zi Sen memberitahu bahawa beberapa projek infrastruktur utama di Padang Lalang sedang dan akan dilaksanakan, termasuk pembinaan medan selera, naik taraf Pasar Bukit Mertajam, kolam renang Jalan Betek serta projek tebatan banjir di Jalan Tembikai dan Sungai Kilang Ubi.

"Antara isu utama meliputi kesesakan jalan raya terutamanya Jalan Song Ban Kheng dan Jalan Kota Permai.

"Kita mengadakan perjumpaan dengan agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan pertubuhan-pertubuhan pada peringkat komuniti dalam mencari penyelesaian terbaik.

"Pembangunan infrastruktur ini penting bagi meningkatkan keselesaan dan kualiti hidup penduduk.

"Tahun ini juga, kita akan gerakkan lebih banyak program berteraskan keluarga, kesihatan dan kesihatan mental yang selaras dengan Visi Penang2030," katanya menutup bicara.




**DANIEL Gooi Zi Sen (duduk, tiga dari kanan) ketika sidang media pengumuman penganjuran I ♥ Jlt Sin Run 2026 baru-baru ini.**

# Seni boria lambang perpaduan kaum

**PERTANDINGAN** akhir Yaribba Boria sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang 2025/2026 berlangsung dalam suasana penuh meriah dan berwarna-warni di Kompleks Bukit Jambul (KBJ), di sini, pada 10 Januari lalu.

Pertandingan anjuran Akademi Boria Pulau Pinang itu merupakan acara tahunan yang bertujuan menghidupkan semula irama serta keindahan seni boria, yang merupakan salah satu warisan budaya negeri Pulau Pinang.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **WONG HON WAI** berkata bahawa penganjuran pertandingan Yaribba Boria adalah antara usaha penting yang mencerminkan komitmen Pulau Pinang dalam memartabatkan seni warisan negeri yang amat bernilai.

"Boria begitu sinonim dengan negeri Pulau Pinang dan merupakan satu bentuk persembahan seni budaya yang terus bertahan merentasi zaman.

"Seni warisan ini menjadi medium kebudayaan yang diraikan oleh semua lapisan masyarakat serta melambangkan semangat perpaduan dan keharmonian kaum di negeri ini.

"Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kekal komited untuk menyokong penganjuran acara boria, latihan bakat serta persembahan boria bagi memastikan seni warisan ini terus terpelihara," katanya ketika merasmikan pertandingan berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi Akademi Boria Pulau Pinang, Datuk Jibran Khalil Sindamadar; Pengerusi JMB, Datuk K.H. Chan serta para penggiat seni dan budaya tempatan.

Menurut Hon Wai, boria mempunyai sejarah perjalanan yang panjang, bermula dari peringkat kampung, berkembang ke mukim dan seterusnya ke peringkat negeri sebagai hiburan rakyat.

"Boria kini telah disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan Malaysia di bawah kategori warisan tidak ketara, yang menjadi langkah permulaan penting dalam usaha berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengangkat seni boria ke tahap yang lebih tinggi.

"Sehingga kini, boria telah dipersembahkan dalam pelbagai acara rasmi termasuk perarakan chingay Pulau Pinang, perarakan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang, selain pelbagai acara lain.

"Malah, seni warisan ini terus diraikan di pelbagai pentas pada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

"Marilah kita bersama-sama meraikan boria agar seni budaya ini terus berkembang dan kekal sebagai warisan kebangsaan yang amat bernilai untuk diwarisi oleh generasi akan datang," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Selain menyaksikan persembahan boria yang penuh kreativiti dan warna-warni oleh para peserta, pertandingan tersebut turut menyampaikan pengiktirafan kepada dua Ikon Boria, iaitu Zaini Man dan Bashir Gulam.

Sebagai rekod, Zaini yang lahir pada 2 Mac 1967 merupakan penggiat seni boria berbakat dan telah terlibat dalam bidang tersebut sejak tahun 1980-an. Beliau pernah menjadi sebahagian daripada beberapa kumpulan boria terkenal, termasuk Kumpulan Boria Wawasan dan Kumpulan Boria Budayasari.

Beliau juga pernah menjuarai pertandingan MHI Panjang Akai TV3 1998 peringkat kebangsaan bersama Kumpulan Boria Wawasan, selain menerima pelbagai anugerah atas sumbangan beliau dalam seni boria.

Sehingga kini, beliau masih aktif dalam dunia boria dan telah menubuhkan kumpulan sendiri yang dikenali sebagai Budayasari Pulau Pinang.

Sementara itu, Bashir yang merupakan anak jati Pulau Pinang dilahirkan pada 29 Ogos 1949 di Jalan Kelawai, telah mula bergiat dalam seni boria sejak usia 18 tahun.

Beliau pernah menyertai beberapa kumpulan boria antaranya Boria Kelawei (1967) dan Boria Jalan Hatin (1970), selain aktif menyertai pelbagai pertandingan boria.

Sehingga kini, beliau masih aktif mengajar di institusi pengajian serta sekolah-sekolah, selain memimpin kumpulan boria veteran Boria Klasik Mutiara. Beliau juga aktif sebagai pelakon sketsa boria dan sering dijemput sebagai juri pertandingan boria.



**WONG Hon Wai (tiga dari kiri) menyampaikan anugerah kepada Bashir Gulam (dua dari kanan) yang dipilih sebagai Icon Boria sempena pertandingan akhir Yaribba Boria 2026 yang berlangsung di Kompleks Bukit Jambul dekat sini baru-baru ini.**



**ANTARA persembahan menarik dan mencuit hati yang dipamerkan oleh peserta yang mengambil bahagian.**





# Rempah cedok 'legend' bertahan tiga generasi



SELAIN rempah-ratus, pelbagai pilihan kekacang juga boleh didapati di sini.

KEUNIKAN rasa masakan tradisional sering bermula daripada ramuan rempah-ratus yang berkualiti dan diadun dengan penuh teliti bagi menghasilkan rasa yang enak serta aroma yang menyelerakan.

Bagi penggemar masakan berempah, khususnya untuk majlis kenduri dan keraian, nama Kedai Rempah Shahul Hameed yang terletak di Jalan Perak dekat Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) bukanlah sesuatu yang asing.

Perniagaan keluarga tersebut telah bertahan lebih 70 tahun dan kini diteruskan oleh generasi ketiga, sekali gus membuktikan kekuatan warisan serta kepercayaan pelanggan yang tidak pernah pudar.

Pemiliknya, **SHAHUL HAMEED SITHEEK MOHAMED**, bapa kepada dua cahaya mata bersama-sama adiknya, **SHEIK DAWOOD SITHEEK MOHAMED** mengambil keputusan meneruskan legasi perniagaan yang diasaskan oleh arwah datuknya.

Menurut Shahul Hameed, pada peringkat awal, datuknya hanya menjual rempah-ratus asas sahaja seperti kari ayam, daging dan ikan.

Namun sejajar dengan perubahan selera dan keperluan pelanggan, beliau menyatakan bahawa perniagaan itu kini berkembang dengan menawarkan kira-kira 40 jenis rempah cedok yang kebanyakannya dibawa khas dari India.

"Kekuatan utama perniagaan kami adalah terletak pada perkhidmatan campuran rempah yang lengkap mengikut permintaan pelanggan.

"Pelanggan hanya perlu memaklumkan jenis masakan serta kuantiti yang ingin dimasak, dan pihak kami akan menyediakan set rempah serta bahan tambahan yang lengkap seperti yang dimahukan oleh mereka.



SHAHUL Hameed Sitheek Mohamed.

"Sebagai contoh, bagi juadah daging masak hitam, pelanggan akan menerima campuran rempah berserta bahan tumis, kicap cair, kicap pekat, gula merah, sos cili dan lain-lain bahan berkaitan.

"Campuran yang kami sediakan ini membolehkan pelanggan terus memasak masakan yang mereka mahukan tanpa perlu mencari bahan tambahan lain lagi.

"Menariknya, tahap kepedasan juga boleh disesuaikan mengikut cita rasa pelanggan tanpa mengubah rasa asli sesuatu masakan.

"Fleksibiliti ini mungkin menjadikan kedai kami sebagai pilihan utama pelanggan, bukan sahaja untuk kegunaan harian, malah untuk penyediaan makanan dalam kuantiti besar sempena majlis kenduri," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui di premis perniagaannya dekat sini pada 15 Januari 2026.




KEDAI Rempah Shahul Hameed yang terletak di Kepala Batas.

Selain rempah-ratus, Shahul Hameed memaklumkan bahawa premisnya turut menawarkan pelbagai keperluan masakan seperti bawang, beras basmati, kekacang, tepung, minyak sapi, susu cair, air mawar, perapan kambing bakar, ayam madu, papadom berempah, biji selasih dan banyak lagi.

"Malah, set lengkap untuk menyediakan hidangan seperti nasi beriani, nasi Arab, nasi kandar dan nasi minyak turut disediakan di sini.

"Pelanggan hanya perlu nyatakan kuantiti yang ingin dimasak dan kami akan sediakan rempah lengkap untuk masakan mereka," katanya.

Menurut Shahul Hameed, rahsia kejayaan perniagaan Rempah Shahul Hameed sehingga mampu bertahan lebih tujuh dekad adalah terletak kepada pelanggan tetap yang telah mengenali produk mereka sejak zaman arwah datuk dan ayahnya lagi.

"Sokongan pelanggan dari pelbagai negeri seperti Johor, Kelantan, Perak, Kuala Lumpur dan lain-lain menjadi nadi utama kepada kelangsungan perniagaan ini.

"Setiap hari, ratusan pelanggan berkunjung ke kedai ini, khususnya pada musim cuti persekolahan kerana banyak majlis kenduri diadakan.

"Permintaan turut meningkat dengan ketara menjelang bulan Ramadan serta sambutan Aidilfitri dan Aidiladha," jelasnya.

*(Sambungan di muka 15).*

# Roti paun tradisi Terengganu

## pacu rezeki usahawan tempatan


ROTI paun dibakar segar setiap hari bagi memastikan kualiti dan kepuasan pelanggan terjamin.

**BERMULA** dengan sekadar mencuba resipi dari laman *YouTube*, siapa sangka roti paun buatan tangan **NORZIANA MAT NAYAN**, 45, kini bertahan hampir 14 tahun sebagai pilihan sarapan dan kudapan masyarakat setempat.

Mengusahakan perniagaan roti paun sejak 2013, Norziana menyatakan bahawa beliau memulakan langkah secara kecil-kecilan di rumah sebelum berpindah ke tapak perniagaan yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selepas lebih setahun beroperasi.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berkesempatan menemu bual Norziana untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai latar belakang perniagaannya.

### Resipi asli Terengganu

Roti paun yang dihasilkan Norziana diinspirasikan oleh resipi tradisi Terengganu, dan hanya terdiri daripada empat perisa sahaja iaitu asli, kacang merah, kaya dan planta.

"Resipi asal saya belajar sendiri dari *YouTube*, kemudian saya mengimprovasikannya mengikut kesesuaian dan selera pelanggan yang mana semua produk ini dibuat secara manual menggunakan tangan.

"Tidak lama kemudian, sekitar tahun 2016, saya mula melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memperluaskan lagi variasi perisa bagi memenuhi cita rasa warga setempat yang datang berkunjung ke sini.

"Kini, lebih 25 perisa ditawarkan termasuk *coffee cream cheese, butter cheese*, ayam, ayam sos Korea, sosej ayam bawang putih, sosej keju, tuna pedas, sardin dan piza bebola daging.

"Kami juga menghasilkan perisa ayam lada hitam, cendawan shiitake, *garlic cheese, almond cheese* serta daging sos Korea yang menjadi antara jualan terlaris," jelasnya semasa sesi wawancara khas di premisnya pada 14 Januari lalu.

Menurut Norziana, konsep roti paun yang dihasilkan adalah versi 'berat' dan mengenyangkan.

"Bentuk asal roti paun sememangnya besar tetapi kini saiznya dikecilkan bagi memenuhi keperluan pelanggan yang kebanyakannya bekerja di sekitar kawasan ini.

"(Pelanggan) nak senang bungkus dan makan, jadi saiz kecil lebih sesuai, harga juga mampu milik," jelasnya.


**ANTARA perisa roti paun yang sering mendapat sambutan pelanggan.**

### Laris terjual

Setiap hari, Norziana memulakan operasi seawal jam 5 pagi dan akan menjual sehingga kapasiti pengeluaran tepung habis.

"Kapasiti pengeluaran harian sekitar 10 kilogram (kg), bergantung kepada tenaga kerja dan permintaan semasa.

"Terdahulu, saya menjalankan perniagaan ini bersama adik dan beberapa pekerja, tetapi kini hanya dibantu suami, Muhammad Zulhilmi Che Hussain, yang menyelaras di bahagian belakang termasuk penyediaan dan hiasan produk.

"Perniagaan roti paun juga menerima tempahan untuk mesyuarat dan majlis keraian di pejabat, dengan syarat pelanggan perlu membuat pesanan sekurang-kurangnya tiga hari lebih awal.

"Semua proses membuat roti paun dilakukan secara manual, jadi saya memang perlukan tenaga kerja yang tahu cara menguli dan bentuk doh.

"Tambahan pula, roti paun tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa kerana kualiti tekstur dan rasa sangat bergantung kepada cara penyediaannya," tambahnya.

### Kekal gred dan kualiti bahan

Mengulas mengenai cabaran, Norziana akui perniagaannya terjejas ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penutupan pejabat dan pelaksanaan kerja dari rumah.

"PKP merupakan waktu paling teruk yang mana pengeluaran turun sehingga dua atau tiga kilogram sahaja dalam sehari.

"Sekarang, syukur Alhamdulillah perniagaan kembali stabil walaupun masih bergantung kepada kehadiran para pekerja di pejabat sekitar kawasan ini.

"Walaupun berdepan kekangan seperti ruang parkir terhad, saya turut menyediakan servis penghantaran melalui tempahan *Lalamove*, jadi pelanggan tidak perlu susah payah datang ke sini.

"Saya juga faham kebanyakan daripada pelanggan hanya boleh membeli secara bungkus kerana ketiadaan parkir di kawasan berhampiran," ujarnya.

Walaupun berdepan dengan cabaran keperluan tenaga kerja mahir, Norziana menegaskan bahawa kualiti bahan mentah tetap menjadi keutamaannya.

"Semua bahan yang digunakan untuk menghasilkan roti paun merupakan gred yang terbaik dan berkualiti.

"Bagi saya, walaupun prosesnya lebih penat kerana dibuat secara manual, kepuasan itu datang apabila pelanggan memberi maklum balas yang baik dan menyukai tekstur serta rasa roti paun yang dihasilkan.

"Saya tidak mengejar kuantiti besar tetapi yang paling penting pelanggan mendapat produk segar setiap hari.

"Selagi masih ada kudrat dan tenaga, saya akan teruskan perniagaan ini bersama-sama suami," tegasnya menutup bicara.

Bagi yang berminat untuk membuat tempahan roti paun, boleh menghubungi Norziana di talian 011-6214 9913.


**NORZIANA Mat Nayan bersama-sama suaminya.**

# Beri inspirasi dan makna hidup




Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBAGAI** seorang nenek, ANNE **KATHLEEN HASLAM** tidak pernah membayangkan bahawa suatu hari nanti beliau perlu mengambil alih peranan sebagai penjaga sepenuh masa kepada cucunya yang mesra disapa sebagai **ZAC**.

Namun, empat tahun lalu, satu panggilan cemas daripada sekolah cucunya telah mengubah segalanya.

Ketika itu, Zac, yang masih bersekolah rendah, dilaporkan hilang semasa waktu kelas. Pihak sekolah menghubungi ibu Zac, **CYBIL JOY D'OLIVEIRO**, seorang jururawat, yang segera mengambil cuti kecemasan dan bergegas ke sekolah. Anne Kathleen dimaklumkan tidak lama kemudian.

Zac akhirnya ditemui bersembunyi di dalam tandas, dalam keadaan ketakutan dan bersendirian. Insiden tersebut menjadi titik perubahan besar bukan sahaja dalam kehidupan Zac, tetapi juga dalam kehidupan Anne Kathleen.

## Tanda-tanda awal yang dipandang ringan

Dalam tempoh tiga minggu sebelum kejadian itu, pihak sekolah hampir setiap hari membuat aduan kepada Cybil Joy dan Anne Kathleen mengenai tingkah laku Zac.

"Dia sering berlari naik turun tangga, bermain suis, berguling di lantai kelas, menyanyi dengan kuat sehingga mengganggu rakan sekelas, mengoyakkan notis di papan kenyataan serta mengambil makanan kanak-kanak lain.

"Sebenarnya, saya dan ibunya telah lama menyedari tanda-tanda yang membimbangkan.

"Ketika berusia setahun, Zac gemar menarik rambut orang lain dan pada usia tiga tahun, dia hanya mampu membebel tanpa makna yang jelas.

**ANNE Kathleen Haslam menunjukkan karyanya *From Anne to Zac The Miracle Journey of Autism Awareness* yang didedikasikan buat cucunya.**

"Dia sukar memberi tumpuan dan tingkah lakunya sukar dijangka, namun, penilaian awal hanya mengaitkannya dengan gangguan deria *(sensory perception disorder)*," ujar Anne Kathleen ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.

Selepas insiden kehilangan tersebut, Anne Kathleen dan Cybil Joy mendapatkan penilaian menyeluruh dan akhirnya Zac didiagnosis dengan gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD) serta *Sindrom Asperger*, yang berada dalam Gangguan Spektrum Autisme atau *Autism Spectrum Disorder*, ASD.

"Sebelum ini kami diberitahu ia hanya masalah deria, tetapi apabila dia hilang dari kelas, kami tahu ada sesuatu yang lebih serius," katanya.


ZAC diapit oleh ibunya, Cybil Joy (kiri) dan neneknya ketika ditemui di kediaman mereka baru-baru ini.

## Menggalas tanggungjawab

Anne Kathleen yang berusia 56 tahun ketika Zac dilahirkan pada 2015 mengambil keputusan untuk menjaga cucunya sepenuh masa, satu peranan yang tidak pernah dirancang kerana Cybil Joy merupakan ibu tunggal dan satu-satunya pencari nafkah keluarga.

Kini pada usia 67 tahun, Anne Kathleen telah menghabiskan hampir sedekad mengurus janji temu terapi, jadual pembelajaran dan cabaran emosi, dengan menyedari betapa kurangnya kefahaman masyarakat terhadap kanak-kanak dalam spektrum autisme.

"Selepas 10 tahun melalui pengalaman penuh pengorbanan, kekecewaan dan pembelajaran, saya menulis sebuah buku bertajuk 'Daripada Anne Kepada Zac: Pengembaraan Pemulihan Kesedaran Autisme' *(From Anne to Zac: The Miracle Journey of Autism Awareness)* pada 2024.

"Buku ini merakamkan perjalanan hidup kepada seorang anak autistik yang penuh dengan perjuangan, kasih sayang dan perubahan diri," ujarnya.


ZAC (kiri) ketika bertemu Ketua Menteri dalam salah satu program yang dianjurkan pada Disember lalu.

## Terapi, cabaran dan keputusan sukar

Selepas diagnosis, Anne Kathleen memberitahu bahawa ada seorang pakar psikiatri memberikan ubat kepada Zac, namun, apabila kesan ubat tersebut hilang, Zac menjadi agresif.

"Apabila ubat yang lebih kuat dicadangkan, kami (Anne Kathleen dan Cybil Joy) membuat keputusan untuk menghentikan rawatan tersebut.

"Kemudiannya, kami mendapatkan bantuan seorang pakar psikologi kanak-kanak di Pulau Pinang.

"Pernah ketika dalam perjalanan pulang ke Sungai Petani, kami terpaksa berhenti di tepi jalan untuk menenangkan Zac yang mengalami *'meltdown'*, dipercayai berpunca daripada cuaca panas pada waktu petang.

"Selepas enam bulan, sesi terapi dihentikan kerana tiada perubahan ketara.

"Tambahan pula, kos rawatan sebanyak RM120 sejam juga menjadi beban kewangan, dan akhirnya, kami mengambil peranan sebagai 'ahli terapi' sepenuh masa kepada Zac," ceritanya.

## Pendidikan dan potensi Zac

Menurut Anne Kathleen, untuk mencari sekolah yang sesuai juga merupakan cabaran besar.

"Zac tidak sesuai mengikuti aliran perdana, manakala Pendidikan Khas pula diketepikan kerana bimbang ia mungkin tidak membantu perkembangan Zac, memandangkan kanak-kanak dengan pelbagai jenis ketidakupayaan ditempatkan bersama.

"Kami akhirnya memilih *'homeschooling'*, berasaskan program pendidikan dari Amerika Syarikat yang merangkumi subjek sejarah, kajian sosial, penulisan kreatif dan matematik.

"Zac seorang kanak-kanak yang pintar, dia boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia, Mandarin dan Inggeris.

"Walaupun perbualannya terhad, dia sangat menggemari perkara berkaitan kereta dan pendingin hawa serta mempunyai pengetahuan mendalam tentang jenama-jenamanya," jelas Anne Kathleen lanjut.

## Cabaran tingkah laku dan sosial

Menurut Anne Kathleen, cabaran dalam membesarkan Zac yang kini berusia 10 tahun adalah isu tingkah laku.

"Dia sukar fokus, tidak boleh duduk diam dan sentiasa mahukan gajet.

"Sekarang dia agak ketagih televisyen, jadi kami cuba mengurangkan masa skrin.

"Jika otaknya terlalu dirangsang, dia akan menunjukkan tingkah laku seperti *'stimming'* atau mengibas tangan.

"Kadang-kadang dia menjadi agresif, memukul dan menarik rambut, kami perlu membantunya mengawal diri," jelasnya.

Selain itu, menurut beliau, Zac juga semakin sedar tentang pengasingan sosial.

"Pada usia ini, dia mahukan kawan. Dia sedih apabila kanak-kanak lain menjauhinya kerana tingkah laku yang dianggap 'pelik'.

"Kemahiran sosial memang cabaran besar bagi kanak-kanak autistik," katanya yang kini sedang menghasilkan sebuah lagi buku berjudul *'Will You Be My Friend?'*.







**ANTARA ilustrasi yang terdapat di dalam buku *From Anne to Zac*.**

## Harapan dan inspirasi

Walaupun berdepan pelbagai cabaran, kata Anne Kathleen, cucunya merupakan seorang yang peramah.

Dalam satu forum *'What's New in Autism'* di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Westlands pada November tahun lalu, Zac kelihatan berbual mesra dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sambil memeluknya dengan penuh kasih.

Bercakap mengenai perkembangan kemahiran motor, beliau menyatakan bahawa Zac mengikuti kelas piano dan taekwondo, bermain bola keranjang serta gemar melompat di trampolin.

"Ibunya juga mula melatih Zac membantu membuat pai yang menjadi sebahagian daripada perniagaan dari rumahnya, *Cake and Pie Joy*.

"Kami mahu dia belajar dan menjadi insan yang berkemahiran, bukan hanya menonton televisyen sahaja," katanya sambil memetik beberapa nama tokoh autistik berjaya seperti Temple Grandin dari Amerika Syarikat dan artis Malaysia, Wan Jamila Wan Shaiful Bahri (Artjamila), sebagai bukti potensi individu autistik.

## Sebuah perjalanan bermakna

Buku pertama yang dihasilkan Anne Kathleen dijual pada harga RM30 mengandungi ilustrasi lukisannya sendiri dan Buletin Mutiara difahamkan, hasil jualan akan disalurkan kepada pusat autisme untuk keluarga berpendapatan rendah.

